

**PEMILIHAN FON KEGEMARAN DAN KESAN  
KEBOLEHGUNAAN FON TERHADAP PROSES PEMBACAAN  
KANAK-KANAK**

**GRAMENO ANAK DAVIS**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Sains Kognitif  
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
Sains Kognitif

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2006

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek iaitu Pn. Wan Norizan Bt Wan Hashim di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah beliau sumbangkan. Beliau juga telah banyak membantu dalam penyemakan projek dan telah memberi banyak buah fikiran dan cadangan yang membina. Tanpa beliau, projek ini tidak akan dapat disiapkan dengan lancar.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa dan seluruh anggota keluarga yang telah banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral. Di samping itu, terima kasih juga ditujukan kepada kawan-kawan serta saudara-mara yang turut telah memberi galakan dan bantuan secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan projek ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada responden kanak-kanak serta rakan-rakan yang telah bekerjasama dalam membantu saya menyiapkan projek ini.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>Penghargaan</b>	<b>iv</b>
<b>Jadual Kandungan</b>	<b>v</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>viii</b>
<b>Senarai Graf</b>	<b>ix</b>
<b>Abstrak</b>	<b>x</b>
<b><i>Abstract</i></b>	<b>xi</b>

### **1. BAB 1 PENGENALAN**

1.0	Isu Pemilihan Fon Dan Grafik Dalam Bahan Bacaan Kanak-kanak	1
1.1	Definisi Fon	3
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Kepentingan Kajian	7
1.5	Limitasi Kajian	7

### **2. BAB 2 KAJIAN LATAR BELAKANG**

2.0	Kesan Rupa Bentuk Fon Terhadap Pembacaan Kanak-kanak	9
2.1	Panduan Rekabentuk Bagi Rekabentuk Fon Dalam Bahan Bacaan Kanak-kanak	12
2.2	Pengaruh Grafik Dalam Membantu Menambahkan Kefahaman Terhadap Teks	14

<b>3.</b>	<b>BAB 3 KAEDAH KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	16
3.2	Rekabentuk Kajian	17
	3.2.1 Kajian Kualitatif	18
3.3	Instrumen Kajian	19
	3.3.1 Temuramah	19
	3.3.2 Eksperimentasi	20
	3.3.2.1 Eksperimen 1 (Penentuan Fon Kegemaran)	21
	3.3.2.2 Eksperimen 2 (Ujian Mengenal Pasti Fon)	22
	3.3.2.3 Eksperimen 3 (Pemilihan Fon Kegemaran Saiz)	24
	3.3.2.4 Eksperimen 4 (Ujian Kelancaran Membaca Berdasarkan Saiz Fon)	24
3.4	Ujian Perintis	25
3.5	Sampel	25
3.6	Populasi	
<b>4.</b>	<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	27
4.2.1	Keputusan Bagi Eksperimen 1	27
4.2.2	Keputusan Bagi Eksperimen 2	30
4.2.3	Keputusan Bagi Eksperimen 3	34
4.2.4	Keputusan Bagi Eksperimen 4	36
4.3	Analisis Data	38
<b>5.</b>	<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Kesimpulan	41
5.2	Cadangan	44
	<b>RUJUKAN</b>	46
	<b>LAMPIRAN</b>	48

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah 1.1</b> Contoh Fon Dari Kategori Serif dan San Serif	4
<b>Rajah 3.1</b> Carta Aliran Proses-proses Kajian	17
<b>Rajah 3.2</b> Aliran Proses Eksperimen 1	22
<b>Rajah 3.3</b> Aliran Proses Eksperimen 2	23

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual 4.1</b> Jadual Keputusan Bagi Eksperimen 1 Dan 2	28
<b>Jadual 4.2</b> Bilangan Responden Dengan Pilihan Fon Mengikut Citarasa	30
<b>Jadual 4.3</b> Bilangan Dan Peratusan Kesilapan Membaca Huruf Dalam 30 Saat Oleh Responden Mengikut Jenis Fon	31
<b>Jadual 4.4</b> Jadual Keputusan Bagi Eksperimen 3 dan 4	34
<b>Jadual 4.5</b> Peratusan Pemilihan Teks 1 Dan Teks 2 Oleh Responden	35

## **SENARAI GRAF**

<b>Graf 2.1</b> Peratusan Pemilihan Fon Sebagai Pilihan Pertama dan Kedua	3
<b>Graf 4.1</b> Carta Pai Peratusan Pemilihan Fon Mengikut Citarasa Responden	30
<b>Graf 4.2</b> Graf Jumlah Dan Peratus Kesilapan Membaca Huruf Oleh Responden	32
<b>Graf 4.3</b> Carta Pai Yang Menunjukkan Pecahan Bagi Pilihan Teks Kegemaran Berdasarkan Saiz Fon Dalam Teks	36
<b>Graf 4.4</b> Graf Bilangan Patah Perkataan Yang Dibaca Oleh Setiap Responden Dalam Masa 1 Minit	37

## **ABSTRAK**

### **PEMILIHAN FON KEGEMARAN DAN KESAN KEBOLEHGUNAAN FON TERHADAP PROSES PEMBACAAN KANAK-KANAK**

Grameno anak Davis

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah jenis fon yang diminati oleh kanak-kanak serta mengenalpasti fon yang dapat memberi keberkesanan yang optimal dalam aspek pembacaan kanak-kanak. Terdapat pelbagai jenis fon yang boleh didapati dalam sistem tulisan kita hari ini dan kesemua fon tersebut boleh digunakan dalam penulisan untuk artikel tetapi setiap jenis fon akan memberi pengaruh yang berbeza dalam aspek pemahaman serta reaksi yang berbeza oleh kanak-kanak semasa pembacaan. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji kesan dan pengaruh empat jenis fon iaitu Times New Roman, Courier New, Arial dan Comic San MS. Akhir sekali, berdasarkan dapatan dan keputusan, kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan beberapa panduan bagi menentukan ciri-ciri fon yang sesuai dan ciri-ciri teks yang sesuai untuk bahan bacaan kanak-kanak. Dalam kajian ini, kalangan kanak-kanak yang digunakan sebagai responden adalah berumur dalam lingkungan 7 hingga 10 tahun.



## **ABSTRACT**

### ***FAVOURITE FONT CHOICE AND THE EFFECTS OF FONT USEABILITY IN CHILDREN READING***

*Grameno anak Davis*

*This research is aim to identify what is the most attractive font in children perception and to identify which font delivers an optimal effectiveness for children reading. There are various fonts available that can be used in articles writing but each font will lead to difference influences in the aspect of understanding and children reactions while reading. This research is also to investigate the effects and influences to children of four fonts under used. The fonts are Times New Roman, Courier New, Arial and Comic San MS. Finally, based on the findings and results, this research is aim to suggest few guidelines for the appropriate font to be used in children's texts and children's reading material. For this research, all the children respondents are in the age range from 7 to 10 years old.*

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.0 Isu Pemilihan Fon Dan Grafik Dalam Bahan Bacaan Kanak-kanak**

Salah satu daripada isu yang masih menjadi bahan perbincangan dalam masyarakat hari ini adalah isu di mana amalan membaca adalah amat penting terutamanya amalan membaca sejak peringkat kanak-kanak lagi. Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan harapan tersebut adalah masih menjadi perbincangan banyak pihak. Ini disebabkan terdapat pelbagai kontroversi yang timbul dalam usaha untuk mencari teknik atau cara yang paling berkesan untuk mendidik kanak-kanak supaya membaca, terutamanya bagi kanak-kanak yang baru sahaja belajar untuk membaca. Kebolehan kanak-kanak untuk membaca terutamanya pada peringkat awal akan mempengaruhi kejayaan kanak-kanak tersebut bukan sahaja dalam bidang akademik khususnya, malah juga dalam hubungan sesama keluarga, hubungan dengan guru dan hubungan dengan masyarakat sekeliling.

Sekiranya satu pendekatan terbaik dalam mendidik kanak-kanak membaca pada peringkat awal dapat dicapai, terdapat satu lagi aspek yang harus diberi perhatian khusus. Aspek tersebut ialah bahan bacaan itu sendiri. Bagaimanakah

sesuatu bahan bacaan tersebut harus direka agar dapat menarik minat kanak-kanak membacanya? Sejauh manakah pemilihan dan kebolegunaan fon yang digunakan dalam cetakan dapat memaksimumkan keupayaan kognitif kanak-kanak? Serta adakah bahan bacaan tersebut membebankan para pembacanya hasil daripada rekaan serta susunan teks dalam bahan bacaan tersebut? Dalam memperkatakan tentang masalah ini, fokus adalah terhadap reka bentuk fon yang dapat menarik perhatian kanak-kanak sekaligus mengelakkan perasaaan jemu membaca dan meminimalkan bebanan pemprosesan maklumat dalam minda kanak-kanak. Maka, dengan mengambil berat akan masalah tersebut, satu penyelesaian hendaklah dicapai. Fokus bukan sekadar terhadap fon malah aspek lain yang tidak kurang pentingnya seperti ilustrasi dan warna juga harus dititikberatkan. Gabungan kesemua aspek seperti di atas akan menambahkan lagi keceriaan dan keseronokan membaca dikalangan kanak-kanak. Di samping itu, penerimaan input oleh pembaca haruslah belaku dengan lancar dalam masa yang singkat dan dalam masa yang sama tidak membebankan keupayaan kognitif kanak-kanak.

Menurut Snow, Burn dan Griffin pada 1998, membaca merupakan satu sistem kompleks untuk menghasilkan maksud daripada cetakan dan memerlukan beberapa perkara seperti dibawah :

- I. Memperkembangkan dan mengekalkan motivasi untuk membaca.
- II. Memperkembangkan strategi aktif yang sesuai untuk menghasilkan maksud daripada cetakan.
- III. Maklumat latar belakang dan perbendaharaan kata yang mencukupi bagi menambahkan kefahaman dalam pembacaan.
- IV. Keupayaan membaca dengan lancar.

- V. Keupayaan untuk mentafsir perkataan asing.
- VI. Kemahiran dan pengetahuan untuk memahami bagaimana nada dan bunyi berhubung kait dengan cetakan.


Sekiranya seseorang ingin menilai tahap kebolehbacaan (*readability*), iaitu kesenangan untuk membaca (kepantasan dan keselesaan) di mana seseorang itu membaca dan menangani teks, adalah perlu sekali bagi seseorang itu untuk berupaya membezakan di antara karakter. Keupayaan untuk membezakan karakter juga akan mempengaruhi tahap kefahaman terhadap bahan-bahan bertulis. Oleh sebab itu, diharapkan bahawa kajian ini akan bertindak sebagai salah satu usaha dalam menentukan apakah jenis fon yang paling sesuai untuk bahan bacaan kanak-kanak.

### 1.1 Definisi Fon

Fon didefinisikan sebagai satu set rekabentuk karakter (*characters*). Rekabentuk karakter yang dimaksudkan ialah gabungan antara gaya penulisan, saiz, pengagihan ruang, dan 'pitch' (bilangan karakter dalam satu inci). Ketinggian karakter dalam fon diukur dalam unit yang dipanggil 'point', di mana setiap point adalah menghampiri 1/72 inci. Lebar fon pula diukur dalam unit 'pitch' di mana pitch yang paling kerap digunakan ialah 10 atau 12.

Secara umumnya, fon dikategorikan kepada dua kategori utama iaitu *serif* dan *san-serif*. *Serif* ialah satu bentuk unjuran garis kecil yang melintang dan terdapat pada setiap penghujung garisan huruf seperti yang terdapat pada *Times New Roman*. Bagi fon yang tidak mempunyai *serif*, fon tersebut dipanggil *san-serif*.

(daripada French sans: "without"). Terdapat perbezaan dalam kedua-dua jenis fon tersebut. Persamaan di antara kedua-dua jenis fon tersebut ialah kedua-dua fon direka untuk tujuan penulisan teks yang padat. Walau bagaimanapun, pemilihan untuk penggunaan bagi setiap fon tersebut adalah bergantung kepada situasi dan citarasa pengguna. Perbezaan diantara fon serif dengan san-serif ditunjukkan seperti dalam rajah 1.1



**Rajah 1.1 Contoh fon dari kategori serif dan san serif**

## **1.2 Penyataan Masalah**

Pada hari ini amalan membaca sudah menjadi kemestian dan tidak dapat dielakkan oleh setiap individu. Mana-mana sahaja seseorang itu pergi, sudah tentunya akan berhadapan dengan tulisan samada tulisan pada papan notis, papan iklan, poster, suratkhobar, komik, majalah hiburan dan banyak lagi. Fenomena ini turut berlaku terhadap kanak-kanak, cuma ruang lingkup aktiviti membaca pada

kanak-kanak terhad kepada bahan bacaan tertentu sahaja. Tetapi apa yang dapat diperhatikan dengan ketara ialah kanak-kanak pada hari ini, terutamanya bagi mereka yang baru sahaja memasuki alam persekolahan, terdedah dengan begitu banyak bahan bercetak. Ini merangkumi buku-buku teks, buku cerita kanak-kanak dan juga bahan bacaan sampingan seperti komik dan majalah. Walau bagaimanapun, bahan bacaan sampingan seperti komik, dan majalah kanak-kanak tidak banyak membawa masalah kepada kanak-kanak terutamanya yang melibatkan pemilihan fon. Ini disebabkan oleh kerana bahan bacaan tersebut disertakan dengan ilustrasi yang menarik dan berwarna-warni, bertujuan untuk menggambarkan mesej dan situasi jalan cerita.

Jalan cerita yang menarik dan perkataan yang mudah difahami tidak semestinya cukup untuk menarik minat dan menambah keseronokan dalam aktiviti membaca. Pemilihan jenis fon untuk penulisan teks juga harus dititikberatkan kerana pengaruh jenis fon adalah besar impaknya dalam menarik perhatian kanak-kanak. Begitu juga dengan penggunaan ilustrasi tertentu yang menggambarkan watak atau '*character*' dan situasi dalam jalan cerita. Kedua-dua elemen ini haruslah menepati psikologi perkembangan mental kanak-kanak sama ada keupayaan kognitif kanak-kanak mampu untuk memproses maklumat dan menerima bentuk input bahan bacaan yang dibaca.

Tinjauan telah dibuat terhadap enam buah kedai buku di bandaraya Kuching. Tujuan tinjauan ini dibuat adalah untuk mengenal pasti apakah ciri-ciri buku kanak-kanak yang kerap kali menjadi pilihan pembeli. Semasa tinjauan dibuat, penyelidik telah meminta pengusaha kedai buku tersebut untuk memberi komen ringkas mengenai penjualan bahan bacaan untuk kanak-kanak bagi kanak-kanak

yang berumur sekitar 7 hingga 10 tahun. Menurut kebanyakan pengusaha premis, buku-buku yang kerap kali menjadi pilihan ibu bapa untuk bacaan anak-anak ialah buku-buku yang mempunyai ilustrasi berbentuk kartun serta berwarna. Komen dari segi tulisan pula, tiada pilihan yang spesifik terhadap bentuk tulisan. Komen daripada pemilik kedai buku yang terletak di bangunan Crown Plaza Kuching mengatakan pembelian buku kanak-kanak adalah selalunya dilakukan oleh ibu bapa, tanpa kehadiran anak-anak bersama. Salah seorang pembantu jurujual di premis tersebut pula mengatakan pembelian buku oleh ibu bapa kadang-kadang hanya berdasarkan kepada tajuk buku yang menarik semata-mata, dan bukannya penilaian kepada keseluruhan rekabentuk dalamannya.

Masalahnya disini ialah kita tidak mengetahui dengan jelas apakah ciri-ciri yang seharusnya ada dalam sesebuah buku yang khas untuk disasarkan kepada golongan kanak-kanak. Ciri-ciri yang dimaksudkan ialah dari segi susunan perkataan dalam teks dan pilihan fon yang diminati oleh majoriti kanak-kanak.

### **1.3 Objektif kajian**

Terdapat lima objektif utama kajian iaitu :

- I. Mengenalpasti persepsi kanak-kanak dalam menentukan fon kegemaran berdasarkan empat jenis jenis fon yang diuji ( Times New Roman, Courier New, Arial, Comic San MS).
- II. Mengkaji tahap kelancaran mengenal pasti huruf bagi setiap jenis fon berikut (Times New Roman, Courier New, Arial, Comic San MS)
- III. Mengenalpasti saiz fon kegemaran kanak-kanak berdasarkan dua saiz yang diuji iaitu 12 mata dan 18 mata.

- IV. Mengkaji pengaruh dua saiz fon yang digunakan dalam eksperimen terhadap kelancaran membaca pada kanak-kanak.

#### **1.4 Kepentingan kajian**

Kajian yang dijalankan penting terutamanya terhadap penghasilan buku kanak-kanak. Terdapat begitu banyak buku kanak-kanak di pasaran masa kini tapi berdasarkan pemerhatian yang tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik, tidak semua buku kanak-kanak menepati ciri-ciri yang sesuai. Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, diharapkan agar pengeluar atau penerbit bahan bacaan kanak-kanak akan merujuk kepada hasil dapatan sebagai petunjuk dalam menghasilkan buku kanak-kanak.

Di samping itu juga, diharapkan bahawa buku-buku yang akan dihasilkan mempunyai nilai kredibiliti yang tinggi dan mencapai tahap keberkesanan yang menyeluruh sejajar dengan objektif sebenar sesebuah buku kanak-kanak. Kajian ini juga penting sebagai rujukan asas untuk para penyelidik yang akan datang dalam membuat kajian yang lebih terperinci dan menyeluruh.

#### **1.5 Limitasi Kajian**

Beberapa kekangan yang memperlahankan dan mengurangkan keberkesanan kajian yang dijalankan sudah dikenalpasti. Antaranya ialah sikap responden yang tidak mahu bekerjasama dengan penyelidik dan sikap mengambil ringan eksperimen yang dijalankan terhadapnya. Masalah yang paling ketara yang mungkin akan dihadapi ialah sikap responden yang malu dan berasa takut dengan penyelidik. Ini akan mempengaruhi keputusan eksperimen yang dijalankan.



Masalah seterusnya ialah kebarangkalian responden yang dipilih secara rawak mempunyai keupayaan membaca yang lemah dan ini juga akan mempengaruhi keputusan eksperimen.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LATAR BELAKANG**

#### **2.0 Kesan rupa bentuk font terhadap pembacaan kanak-kanak**

Adalah penting untuk menyedari bahawa kanak-kanak adalah golongan yang begitu peka dengan perubahan dalam persekitarannya. Setiap perubahan akan membawa impak yang berbeza kerana kanak-kanak mudah terpengaruh. Dalam aspek pembacaan, kanak-kanak merupakan satu populasi spesifik di mana perubahan dalam perkembangan fon dan kekerapan mereka melihat fon akan mempengaruhi kelancaran membaca. Satu kajian yang dijalankan oleh Krueger pada tahun 1973 menunjukkan bahawa kanak-kanak memproses maklumat berkenaan huruf lebih perlahan berbanding dengan orang dewasa tetapi, seperti yang dinyatakan oleh Gaines pada tahun 1969 berupaya untuk membezakan ciri-ciri visual. Dapatan daripada kajian penyelidikan tersebut mencadangkan bahawa rupa bentuk fon dan saiz fon memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi kelakuan kanak-kanak ketika membaca.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Kristi Davis, Rebecca Woods, dan Lauren Scharff Stephen F daripada Austin State University pada tahun 2005 merupakan satu eksperimen menyeluruh dalam mengkaji bagaimana pembolehubah

fon mungkin mempengaruhi kemampuan untuk membedakan dan kesenangan membaca.

Dalam kajian yang dijalankan, dua rupa bentuk fon yang berbeza digunakan iaitu *Times New Roman* (Serif) dan *Arial* (San Serif) manakala saiz fon adalah 14 dan 18 mata. Kajian yang mereka jalankan melibatkan kanak-kanak pada peringkat tadika sehinggalah kanak-kanak peringkat gred 4. Dalam menjalankan eksperimen ini, sepasang huruf dipancarkan dengan menggunakan projector slide *tachistoscopic* dan peserta diberitahu supaya melaporkan sama ada pasangan huruf yang dilihat adalah sama atau sebaliknya. Kemudian peserta disuruh untuk menulis pasangan huruf yang telah disaksikan. Setiap peserta diberi sebanyak 0.2 saat masa presentasi untuk setiap pasangan huruf. Ujian ini adalah untuk menilai kemampuan kanak-kanak mengenali huruf dan membedakan huruf dalam satu selang masa tertentu.

Dapatan daripada eksperimen tersebut menunjukkan bahawa kanak-kanak tadika menunjukkan prestasi paling teruk dalam keadaan tersebut. Sehubungan dengan itu, kesimpulan telah dibuat iaitu kanak-kanak tadika menunjukkan masa tindakbalas paling perlahan apabila berdepan dengan situasi yang memerlukan mereka membedakan dan mengenali pasangan huruf. Ini sekaligus mencadangkan supaya bentuk fon di dalam teks haruslah direka mengikut bentuk yang dapat menambahkan kemampuan kanak-kanak membedakan dan mengenali huruf. Secara keseluruhannya, kajian mendapati fon *Arial* lebih mudah untuk dibezakan dan dikenali jika dibandingkan dengan fon *Times New Roman* manakala fon dengan saiz 18 mata lebih digemari berbanding fon size 12 mata.

Pada tahun 2000, kajian turut dijalankan oleh Michael Bernard, Melissa Mills, Talissa Frank, dan Jan Mckown. Kajian tersebut mengkaji apakah jenis fon

yang lebih digemari oleh kanak-kanak ketika membuat pembacaan secara *online*. Faktor pendorong yang mendorong kajian tersebut dijalankan adalah kerana pada sebelum ini tiada sebarang kajian dijalankan terhadap populasi kanak-kanak di dalam aspek pembacaan secara *online*. Penyelidikan yang dijalankan juga bertujuan untuk menekankan betapa perlunya pengetahuan terhadap pemilihan fon oleh kanak-kanak dengan mengkaji empat jenis fon pada saiz mata 12 dan saiz mata 14. Dengan adanya pengetahuan dalam perkara tersebut, maka ia sekaligus dapat membantu dalam menentukan kombinasi fon yang dilihat dan diterima oleh kanak-kanak sebagai fon yang paling mudah untuk dibaca pada skrin komputer.

Dalam kajian yang dijalankan ini, seramai 27 orang peserta (10 lelaki, 17 perempuan) melibatkan diri secara sukarela. Peserta yang terlibat adalah dalam julat umur 9 hingga 11 tahun. Kebanyakan peserta (96%) mempunyai pengalaman membaca teks pada paparan skrin komputer. Fon yang digunakan dalam kajian ini adalah fon yang biasa didapati dalam teks kanak-kanak. Fon dari kategori serif yang digunakan ialah *Times New Roman* dan *Courier New* dan bagi fon dari kategori sans serif, fon yang digunakan ialah *Arial* dan *Comic San MS*. Semua fon yang digunakan dalam saiz 12 mata dan 14 mata.


Perbandingan bagi setiap fon dijalankan dengan setiap peserta diarahkan untuk membaca 8 petikan. Kesemua petikan merupakan cerita daripada buku kanak-kanak *Whootie Owl's Fairytales*, yang ditulis sesuai dengan tahap pembacaan kanak-kanak dalam gred 4 dan 5. Setiap petikan mempunyai jumlah perkataan yang hampir sama (purata 581 perkataan bagi setiap petikan), dan margin atas ditetapkan kepada 640 piksel. Jumlah perkataan bagi setiap baris dalam petikan

adalah berbeza disebabkan kombinasi jenis fon dan saiz fon yang berbeza. Kesemua petikan berwarna hitam dengan warna latar belakang putih.

Daripada analisis data, kumpulan penyelidik tersebut mendapati fon bersaiz 14 mata dilihat sebagai lebih mudah dan lebih cepat untuk dibaca dan dalam masa yang sama dianggap lebih menarik perhatian dan lebih dikehendaki untuk digunakan dalam penulisan buku sekolah. Selain daripada itu, dapatan seterusnya menunjukkan fon *Comic San MS* dilihat lebih mudah untuk dibaca dan lebih menarik disamping lebih dikehendaki untuk digunakan dalam penulisan buku-buku sekolah berbanding dengan fon-fon lain. Fon *Arial* juga turut dikehendaki untuk digunakan dalam penulisan buku-buku sekolah. Secara keseluruhannya, fon *Arial* bersaiz 14 mata dan fon *Comic San MS* bersaiz 12 mata adalah fon pilihan.

## **2.1 Panduan Rekabentuk Bagi Rekebentuk Fon Dalam Bahan Bacaan kanak-kanak**

Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan kanak-kanak lebih mengemari fon dari kategori san serif (*Arial & Comic*) berbanding fon dari kategori serif. Kajian Bernard and Mills pada tahun 2001 mendapati kanak-kanak dalam purata umur 10 tahun lebih cenderung untuk memilih fon *Arial* bersaiz 14 mata dan fon *Comic San Ms* bersaiz 12 mata berbanding dengan *Times New Roman* dan *Courier* bersaiz 12 mata. Graf 2.1 adalah hasil dapatan daripada kajian yang mereka jalankan.



**Graf 2.1 Peratusan pemilihan fon sebagai pilihan pertama dan kedua**

Bagi rekabentuk untuk kepanjangan barisan teks, telah dicadangkan supaya jumlah perkataan yang sepatutnya dimuatkan dalam satu barisan teks adalah kira-kira 11 perkataan (40-60 karakter). Menurut Horton pada 1989 dan Mills & Weldon pada 1987, barisan yang panjang akan memerlukan tenaga tambahan bagi menggerakkan mata melihat ke sebelah tepi, di mana seseorang berkemungkinan besar akan kehilangan titik konsentrasi pada perkataan yang dibaca.

## **2.2 Pengaruh grafik dalam membantu menambahkan kefahaman terhadap teks**

Terdapat beberapa teori yang menyokong kepentingan pengaruh grafik dalam buku kanak-kanak. 'Motivation Theory' yang dikemukakan oleh Glenberg dan Langston pada 1992 mengatakan ilustrasi akan menjadikan sesebuah buku itu lebih menarik sekaligus akan menyebabkan orang yang membaca akan memberi sepenuh perhatian dalam pembacaan. Sementara itu 'dual-code theory' atau 'repetition hypothesis' menyatakan bahawa maklumat yang hadir sebanyak dua kali akan menambahkan lagi pemahaman dan menguatkan keupayaan memori. Ini dikemukakan oleh Gyselinck dan Tardieu pada tahun 1999. Fang pada 1999 pula menyatakan bahawa ilustrasi atau gambar akan lebih menggalakkan kanak-kanak membaca dan berinteraksi dengan teks dan sekaligus akan menghasilkan 'mental image' atau gambaran mental. Kejadian ini akan menyebabkan kanak-kanak akan lebih memahami teks bertulis dan mengingati dengan lebih lama dan berkesan.

Pada bulan Julai tahun 2000, satu kajian untuk mengkaji pengaruh ilustrasi di dalam buku cerita kanak-kanak telah dijalankan di SFA charter school yang terletak di Texas, Amerika Syarikat. Para penyelidik yang menjalankan kajian ialah Jamye Andrews, Lauren Scharff dan Laurie Moses. Daripada dapatan kajian tersebut, penyelidik membuat hipotesis bahawa buku yang mengandungi kedua-dua teks dan ilustrasi lebih berkesan dalam memberi kefahaman berbanding dengan buku yang hanya mengandungi sama ada teks atau ilustrasi. Para penyelidik juga percaya bahawa buku yang dimuatkan dengan ilustrasi yang terang dan abstrak

lebih cenderung diminati oleh kanak-kanak dan lebih berkesan dalam memberi kefahaman.

Fakta lain yang diperolehi ialah ilustrasi bertindak sebagai alat bantuan dalam menolong pembaca memahami apa yang dibaca terutamanya kanak-kanak yang baru belajar membaca. Ini disebabkan mereka perlu mempelajari perkataan-perkataan baru dan ilustrasi akan membantu memberi petunjuk terhadap maksud perkataan yang dibaca. Disamping itu, penyelidik mendapati bahawa apabila ilustrasi diproses secara mendalam dan berulang-ulang, maka akan berlaku satu keadaan yang dikenali sebagai 'information redundancy', dimana maklumat yang sama akan diproses secara berulang-ulang. Ini adalah akibat daripada maklumat daripada teks bertulis dan ilustrasi diproses secara serentak di dalam minda pada masa yang sama. Keadaan ini menyebabkan otak akan mengingati maklumat tersebut dengan lebih lama kerana telah disimpan ke dalam memori jangka panjang.